

21 OCT 2002

Mahathir-Pengarang

PM SELAR PENULIS BUKU KAITKAN BN DENGAN AL-QAEDA

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyifatkan Dr Rohan Gunaratna, penulis buku "Inside al-Qaeda -- Global Network of Terror" yang didakwa mengaitkan Barisan Nasional (BN) dengan kumpulan pengganas al-Qaeda, sebagai seseorang "yang merosakkan segala-galanya".

"Mereka bodoh, tak tahu apa-apa. Tahu tulis sahaja pasal nak kena tepuk di belakang oleh orang-orang Barat. Dia...kaki ampu," kata Perdana Menteri kepada pemberita sekembalinya daripada lawatan ke India, Pakistan dan Saudi Arabia di Pangkalan TUDM di Subang dekat sini lewat malam ini.

Dr Mahathir berkata beliau tidak ada hormat langsung kepada orang seperti itu.

Ditanya tentang dakwaan Gunaratna bahawa beliau mendapat maklumat daripada perisik Filipina, Dr Mahathir berkata: "Kalau perisik Filipina pun, apakah ini mesti betul.

"Kita banyak dengar cerita juga. Di Malaysia banyak cerita berkenaan saya jadi Firaun apa semua."

Ditanya kemungkinan ada dalang di sebalik penulisan buku itu, Dr Mahathir berkata berkata orang yang suka mengampu seperti itu tidak akan serik berbuat demikian.

"Semuanya orang Asia, orang Asia yang suka kalau orang puji dia, tepuk belakang dia sikit, negeri dia pun dia jual," katanya.

Mengenai kemungkinan kerajaan menyaman penulis buku itu, Dr Mahathir berkata oleh kerana beliau duduk di luar negara, kalau disaman pun mungkin kerajaan tidak mendapat keadilan.

"Tetapi jika beliau datang ke Malaysia, kalau kita ada kes terhadap beliau, beliau akan dihadapkan ke mahkamah," katanya.

Ditanya sama ada buku itu harus diharamkan di sini, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu sama ada kita harus mengharamkan buku itu atau tidak. Saya tidak percaya dengan pengharaman buku."

Minat terhadap bukunya timbul di Malaysia apabila tersiar dokumen Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang memuatkan carta mengenai kegiatan Al-Qaeda di Asia Tenggara yang dikatakan dipetik daripada buku berkenaan.

-- BERNAMA

MSL MAM PR